

PERANAN ULAMA DALAM MEMPERTAHANKAN TANAH MELAYU KETIKA ZAMAN PENJAJAHAN.

Dr. Aladin Mamat¹ & Azrina Jonit²
*Institute Of Medical Science Technology (MESTECH),
Universiti Kuala Lumpur*

ABSTRAK

Sebahagian besar ulama di Tanah Melayu peringkat awalnya bergiat aktif dalam penyebaran dakwah dan ajaran Islam kepada seluruh masyarakat dan berperanan sebagai ketua agama dalam melaksanakan ajaran Islam, namun kehebatan mereka menjadi luar biasa bila mana sikap keberanian yang ditonjolkan dalam mengetuai dan memimpin masyarakat menentang penjajah British daripada merampas tanah air kelihatan terserlah, lebih hebat lagi, perjuangan tersebut mendapat sokongan kuat oleh pihak istana. Kebangkitan mereka boleh dikatakan secara menyeluruh di Tanah Melayu seperti di Terengganu, Kelantan, Pahang, Selangor, Melaka, Johor, Perak dan sebagainya. Perbincangan ini lebih menfokuskan kepada perjuangan ulama menentang penjajah British.

Kata Kunci: *Peranan, Jasa Ulama, Mempertahankan Tanah Melayu.*

Pendahuluan

Peranan dan jasa ulama dalam mempertahankan tanah air dan membebaskan negara daripada belenggu penjajahan semakin dipandang sepi dek kesibukan manusia di zaman ini dengan arus pembangunan dan kemodenan serta kecanggihan sains teknologi. Malangnya ada sesetengah pihak yang melabelkan golongan ini sebagai penderhaka dan pemberontak tanah air. Namun sejarah membuktikan betapa tokoh-tokoh ulama tanah air termasuk individu terpenting dalam meniup semangat jihad dan Perang Sabil sehingga masyarakat bangkit menentang penjajahan dan kezaliman. Jasa yang paling penting dalam kalangan golongan ulama ini adalah kejayaan mereka mendidik masyarakat dengan pendidikan agama bagi mengamalkan ajaran Islam yang sebenar sebagai pegangan hidup dan membenteng diri daripada fahaman-fahaman yang boleh menjejaskan akidah.

Peranan Ulama Dalam Masyarakat

Terengganu boleh dikatakan mendahului kebanyakan negeri-negeri lain dari segi perkembangan sekolah pondok yang diasaskan oleh Tok Pulau Manis pada kurun 17/18, walaubagaimanapun ia

¹ Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Umum dan Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa dan Gaya Hidup Kampus di Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Institute Of Medical Science Technology (MESTECH) Kajang.

² Pensyarah di Jabatan Pengajian Umum di Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Institute Of Medical Science Technology (MESTECH) Kajang.

tidak sehebat perkembangan sekolah pondok di negeri-negeri Kedah dan Kelantan.³ Ulama-ulama terpenting yang muncul di Terengganu pada kurun-kurun ke-18 dan ke-19, seperti Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan Tok Ku Paluh tidak pernah secara bersistem berusaha mewujudkan pengajian secara pondok, mereka memilih mengajar di surau dan masjid. Majoriti daripada penadah atau pendengar syarahan mereka terdiri daripada anak-anak tempatan yang tidak perlu membina pondok untuk kediaman.⁴

Walaubagaimanapun, Paloh yang dikatakan telah dianugerahkan kepada Syed Abdul Rahman al Idrus oleh Sultan telah bertukar menjadi sebuah kawasan penempatan yang hidup dengan aktiviti pengajaran dan dihubungkaitkan dengan nama ilmuan tersebut. Surau Syed Saqaf, tempat Haji Abdul Rahman Limbong mengadakan kelas agamanya, bertukar menjadi pusat pengajian besar di zamannya.⁵

Ulama Sebagai Pendidik Dalam Masyarakat.

Pendedahan awal kepada Islam serta tradisi belajar atau semangat menuntut di kalangan orang Melayu menyebabkan mereka peka kepada program pengilmuan, sehingga kemunculan ulama dalam masyarakat diterima baik dan diberi sokongan, pengajaran mereka didengar dan dipatuhi.⁶ Ulama yang muncul selepas kedatangan dan penyebaran Islam di Malaysia ternyata bertindak dalam kerangka sosial yang sedia diresapi oleh nilai-nilai Islam, sekalipun masyarakat berkenaan tidak semestinya berjalan sepenuhnya atas landasan Islamiyyah. Hal ini memudahkan penglibatan ulama, kerana kesedaran Islam yang mendasari perkembangan dan perubahan hidup membantu memasukkan dan membabitkan ulama berkenaan.⁷ Namun begitu tidaklah pula bermakna segalanya berjalan dengan licin dan lancar dalam semua keadaan dan pada setiap masa, kerana bukan semua daerah dan penjuru dalam masyarakat telah dikuasai oleh nilai-nilai Islam walaupun orang-orang Melayu sudah lama memeluk Islam. Demikian juga, banyak cabaran yang dihadapi oleh ulama pada ketika dalam suasana masyarakat masih belum memahami Islam sepenuhnya. Antara ceritanya bagaimana Tuan Guru Haji Zainal Abidin terpaksa bersemuka dengan seorang ahli sihir di Dungun, kisah bagaimana Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif terpaksa berdepan dengan seorang bomoh anti agama di Besut dan kisah Mufti Syed Yusof al-Zawawi terpaksa menentang penyemah-penyemah pantai di Kuala Terengganu, adalah manifestasi masalah-masalah yang dihadapi oleh ulama dalam rancangan pengislaman yang dijalankan. Kehadiran mereka telah mengubah dan mewarnai kehidupan penduduk tempatan.⁸ Bayangkan sekiranya tidak wujud ulama sebagai pendidik atau di negeri ini tidak pernah menerima sentuhan fikiran dan nasihat-nasihat guru agama, biasanya di sana kejahilan meyelubungi kehidupan, kegiatan kemungkar berleluasa dan anggota masyarakat hanyut oleh tuntutan-tuntutan hidup yang tidak diredhai oleh Ilahi.⁹

³ Muhammad Abu Bakar, *Sejarah Dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, 1991, 33.

⁴ *Ibid.*, 35.

⁵ *Ibid.*, 39.

⁶ *Ibid.*, 8.

⁷ *Ibid.*, 9.

⁸ *Ibid.*, 9.

⁹ *Ibid.*, 12.

Ulama Sebagai Institusi Umum

Kedudukan ulama boleh bertukar menjadi institusi apabila mereka dipandang sebagai pemimpin agama, tempat rujukan universal dalam perkara keahiratan dan hal-ehwal keduniaan, tokoh yang serentak mampu bertindak sebagai pengaman, pendidik dan penaung dan manusia luar biasa, sekurang-kurangnya dalam konteks sosial tempat mereka beroperasi.¹⁰

Kehadiran dan kedatangan ulama adalah antara isu-isu yang membangkitkan selera dan semangat keagamaan kerana dalam diri ulama bukan sahaja terdapat penegasan tentang kehidupan melalui teladan tetapi juga sumber yang boleh menambah dan memperkayakan kehidupan beragama, memberi kekuatan kepada tubuh masyarakat dan memberi pengarahannya dalam suasana krisis. Dengan tegaknya ulama sebagai institusi umum dalam masyarakat, orang ramai semacam bernaung di bawah pokok yang besar dan rendang turut memberi buah dan membekalkannya dengan pelbagai kemudahan lain termasuk ranting kering.¹¹

Penginstitusian Ulama dan Ulama Institusi.

Proses pembentukan ulama sehingga mereka menjadi dan diterima sebagai institusi umum tidak berlaku secara sewenang-wenang, tetapi melibatkan faktor-faktor pada diri dan latar belakang individu yang berkenaan, serta faktor sosial yang hadir dalam masyarakat itu sendiri. Untuk membolehkan seseorang ulama muncul sebagai institusi, manusia berkenaan seharusnya merupakan orang yang benar-benar berilmu, belajar di pelbagai tempat atau berguru dengan banyak ulama atau orang yang dipercayai mempunyai ilmu yang banyak, pengiktirafan oleh mereka yang faham atau telah mendalami ilmu-ilmu keagamaan. Ini adalah syarat utama yang membolehkan ulama biasa menjadi ulama institusi.

Faktor-faktor lain berkaitan dengan keperibadiannya, seperti keturunan, pendidikan dan sakhshiahnya. Begitu juga dengan tempoh pengajiannya, siapa gurunya, di mana tempatnya dan sejauh manakah mereka telah belajar juga menjadi faktor-faktor penambahan membantu masyarakat menilai kedudukannya.¹² Justeru itu apabila ulama ini menghadirkan diri, dan seterusnya berinteraksi dalam masyarakat, maka personaliti atau sakhshiahnya turut menjadi objek pemerhatian dan pengamatan sosial. Seandainya anggota masyarakat tertawan kepada sikap dan tingkahlakunya, kagum dengan pendekatan dan perjalanan hidupnya dan tertarik oleh kebolehan dan keupayaannya, maka dengan cepat pula proses penginstitusian akan berlaku.¹³

Apabila kewibawaan seseorang ulama mendapat pengiktirafan menyeluruh, dan mereka muncul sebagai tokoh yang berkarisma, maka kehadirannya memberi kesan yang meluas, dan mendapat perhatian di merata tempat. Dalam masyarakat setempat, kita juga pernah mendengar bagaimana kemunculan ulama di khalayak umum menyebabkan orang ramai terhenti dari bercakap (atau mengumpat), kehadiran ulama di majlis keramaian menyebabkan yang berjudi berhenti sementara dari meneruskan kegiatan maksiat mereka, dan ketibaan ulama di pasar

¹⁰ *Ibid.*, 21.

¹¹ *Ibid.*, 22.

¹² *Ibid.*, 23.

¹³ *Ibid.*, 24.

disambut oleh peniaga-peniaga yang tidak sabar-sabar lagi ingin menghadiahkan sesuatu kepada tuan guru atau pak syeikh mereka itu.¹⁴

Pemerintah Dan Ulama Sebagai Pentadbir

Semenjak zaman Melaka, dan sepanjang sejarah Islam di Malaysia, ulama sering mendekati istana atau pusat kuasa, di istana Sultan Melaka, ulama seperti Maulana Abu Bakar, Sayed Abdul Aziz, dan Maulana Yusuf, bukan sahaja muncul sebagai guru tetapi juga penasihat kepada pemerintah, satu kedudukan strategis yang membolehkan mereka berfungsi lebih besar dan berkesan dalam skema pengislaman negara dan masyarakat. Hubungan antara ulama dan umara jelas sekali mendapat restu dan sokongan rakyat.¹⁵ Sultan Hisamuddin Alam Shah pernah menjemput ulama seperti Syeikh Mahmud Al-Bukhari dari Bukhara dan Syeikh Mahmud Zuhdi dari Patani untuk menasihatinya, manakala Sultan Muhamad Jiwa pula membawa masuk gurunya Syeikh Abdul Jalil dari Palembang bagi membantunya dalam pemerintahan Kedah.¹⁶

Sejarah Terengganu juga mengandungi babak-babak ulama menjadi penasihat istana, tetamu diraja, guru sultan, dalam bentuk yang lebih rasmi, Mufti, Syeikhul Ulama dan Syeikhul Islam. Sifat kewarakan yang ditonjolkan oleh sultan sebagai pemerintah sehingga baginda sanggup mencemar duli untuk berguru dengan ulama. Di zaman Melaka, Qadi Yusuf dikunjungi oleh Sultan Mahmud Shah untuk mengaji dengannya, dengan berjalan kaki dan membahaskan dirinya “fakir”, maka pada kurun ke 19 di Terengganu, Baginda Omar (1839-1876) menghadirkan diri untuk berguru dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, dan Sultan Zainal Abidin III mendampingi Tok Ku Paluh dan Tok Syeikh Duyong.¹⁷ Pengasasan tradisi kesultanan di Terengganu pada kurun ke-17 tidak boleh dipisahkan dari penglibatan seorang ulama, iaitu Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis. Beliau yang hidup sezaman dengan Abdul Rauf Singkel dan mendapat pendidikan di Aceh dan Mekah. Menjadi king-maker dan penasihat di istana.¹⁸

Kebangkitan Ulama Mempertahankan Tanah air

DI TERENGGANU: Kedatangan British dan usahanya meluaskan pengaruh dalam masyarakat telah turut diikuti dan ditentang oleh alim ulama yang peka terhadap bahaya kolonialisme. Rakyat merasa tertekan berikutan pengenalan undang-undang baru. Ulama yang mendampingi istana, dan bergerak bersama pemerintah seperti Tok Ku Paloh, amat memahami niat jahat pihak penjajah itu. Dengan kerjasama Sultan dan para pembesar serta cendekiawan-cendekiawan Islam lain, mereka telah mengambil langkah bagi membendung pengaruh asing yang semakin menular demi mempertahankan kedaulatan dan keutuhan pemerintah tradisi. Penglibatan Dato Seri Amar Diraja yang berpengaruh juga telah bergerak sama seiring dengan perjuangan ulama-ulama lain.

¹⁴ *Ibid.*, 28 .

¹⁵ *Ibid.*, 15.

¹⁶ *Ibid.*, 16.

¹⁷ *Ibid.*, 16.

¹⁸ *Ibid.*, 17.

Kemunculan Haji Abdul Rahman Limbong dengan idea penentangannya terhadap sistem pentadbiran yang dikemukakan oleh pemerintah, yang dianggap terpengaruh oleh Penasihat British, membuka suatu babak baru pula dalam perkembangan politik di kalangan ulama Terengganu. Politik protes yang didukung olehnya menjadikan tokoh agama ini agak unik memandangkan tidak pernah wujudnya tradisi penentangan di kalangan ulama tanahair.¹⁹

Nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Rahman Limbong bin Haji Abdul Hamid bin Abdul Kadir. Manakala gelaran “Limbong” adalah kerana pembabitannya sebagai guru di Kampung Limbong yang terletak di Cukai, Kemaman. Beliau adalah seorang ulama dan pencetus dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air tercinta yang mana berjuang menggunakan corak agama terutamanya di Terengganu. Sejak dari kebangkitan 1922 sehingga kebangkitan 1925 dan seterusnya pemberontakan 1928, penglibatannya jelas sekali apabila tokoh tempatan dari Kuala Berang datang menemuinya untuk mendapatkan nasihat tentang bagaimana sepatutnya untuk diambil tindakan.²⁰ Kebangkitan gerakan ini juga disebabkan rasa tidak puas hati beliau terhadap penasihat British di Terengganu yang mengenakan pelbagai cukai menindas rakyat termasuk undang-undang tanah yang diperkenalkan di Hulu Terengganu.²¹ Selain itu juga, pencetus kepada penentangan terhadap British disebabkan oleh peristiwa kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah ke tangan golongan sekular pimpinan Kamal Antartuk yang ditaja oleh British telah menyebabkan Haji Abdul Rahman Limbong tidak berdiam diri. Oleh itu Haji Abdul Rahman Limbong bersama beberapa para ulama tempatan seperti Syed Saqqaf bin Tok Ku Paloh, Haji Musa bin Abdul Ghani Minangkabau, Imam Taib Ahmad Pasi Nering, Lebai Abdul Rahman, Tok Janggut dan Lebai Hassan Kuala Menjing telah melancarkan gerakan jihad dan Perang Sabil untuk menghalau British dan mengembalikan kuasa Sultan Muhammad. Pada tahun 1928, dianggap kemuncak bagi kebangkitan ini di mana rakyat Terengganu diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong telah mengangkat bendera merah atau bendera stambul yang membuktikan ada hubung kait yang rapat antara kebangkitan ini dengan Jihad Uthmaniyah.²² Akhirnya Haji Abdul Rahman Limbong dibuang negeri ke Mekkah dan meninggal dunia di sana.²³

Tok Guru Haji Abas atau nama sebenarnya Haji Abas Muhammad juga seorang ulama yang alim dalam ilmu agama dan memainkan peranan besar dalam pendidikan Islam di Terengganu. Beliau turut bertanggungjawab menyebarkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah di masjid dan pondok-pondok selain membahaskan persoalan cabang yang cuba ditimbulkan oleh golongan muda. Walaupun tidak terlibat mengangkat senjata tetapi peranannya dalam melindungi pejuang-pejuang yang hendak dibuang negeri ke Burma oleh British selain menentang kemasukan imigran Cina adalah sumbangan besar dalam mempertahankan tanah air daripada diceroboh oleh musuh dan diperkotak-katikkan oleh Barat.

¹⁹ *Ibid.*, 19.

²⁰ Mohd Roslan Mohd Nor, Mohamad Fauzi Zakaria & Noorzahidah Mohd Zain, *Keterlibatan Ulama' dalam Perjuangan Kemerdekaan di Terengganu* dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 301. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

²¹ Mohd Ali Muhammad Don. Kenang Jasa Ulama dalam Perjuangan Kemerdekaan dalam <http://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/461337/kenang-jasa-ulama-dalam-perjuangan-kemerdekaan>.

²² Mohd Roslan Mohd Nor, Mohamad Fauzi Zakaria & Noorzahidah Mohd Zain, *op. cit.*, 301

²³ Mohd Ali Muhammad Don, *op. cit.*,

DI KELANTAN: Perjuangan ulama membela tanah air dicetuskan oleh Haji Mat Hassan bin Panglima Mat Munas atau dikenali sebagai Tok Janggut kerana mempunyai janggut sampai ke paras dada merupakan tokoh ulama yang bangkit memperjuangkan hak dan ketuanan Melayu. Tindakan ini bertitik tolak daripada campur tangan British di Kelantan berikutan Perjanjian Bangkok pada 1909. Kemuncak daripada penentangan ini bermula apabila masyarakat tempatan tidak berpuas hati dengan dasar British yang mengenakan cukai selain terkesan dengan jihad untuk mengembalikan Khalifah Uthmaniyah di bawah pengaruh British di Turki. Dikatakan pada 24 Mei 1915, Tok Janggut bersama kira-kira 1,000 pengikutnya menyerang British di Pasir Puteh, Kelantan.

Bagaimanapun dalam pertempuran tersebut, Tok Janggut telah terkorban syahid bersama Tok Abas dan Tok Hussein serta beberapa orang pengikutnya. Jenazahnya kemudian dibawa ke Kota Bharu dan digantung beberapa hari di Padang Bank (Padang Merdeka) oleh pihak British sebelum dikebumikan di Pasir Pekan.

Selain itu, tokoh ulama Kelantan tersohor iaitu Tok Kenali atau Haji Muhammad Yusof bin Ahmad juga termasuk ulama yang terlibat secara tidak langsung dalam membebaskan negara daripada belunggu penjajahan. Beliau lahir daripada keluarga petani di Kampung Kubang Krian, Kelantan antara 1868-1870. Walaupun tidak terlibat mengangkat senjata menentang penjajah British, sebagai Tok Guru beliau berjaya meniupkan semangat jihad dan perjuangan demi mempertahankan agama dan bangsa Melayu melalui aktiviti penulisan dalam majalah Pengasuh dan majalah al-Hikmah selain berjaya mendidik ramai tokoh ulama dan ilmuwan Islam yang bertebaran di seluruh tanah air.²⁴

DI PAHANG: Perjuangan menentang penjajah dalam erti kata lain perjuangan kebangsaan (patriotisme) bermula sejak abad yang lebih awal iaitu abad ke 16. Gerakan patriotisme yang berlaku di Tanah Melayu bermula daripada kemasukan Portugis ke negeri Melaka pada tahun 1511 Masihi, Belanda pada tahun 1641 dan Inggeris pada abad ke 19. Campurtangan Inggeris di Tanah Melayu bertitik tolak daripada Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 (Abdul Latif Abu Bakar, 2001).²⁵ Percubaan British untuk masuk ke Pahang pada tahun 1885 melalui usaha Frank Swettenham (yang telah diutuskan oleh Gabenor Smith) telah menemui kegagalan. Pada tahun 1886 pula Gabenor Fred A. Weld juga telah datang berjumpa Sultan untuk melakukan perjanjian dengan pihak Inggeris (British). Namun, usaha tersebut tidak berhasil. Walau bagaimanapun, pihak British tidak pernah berputus asa, sehinggalah pada tahun 1887, Hugh Clifford telah datang disertai campur tangan Kerajaan Johor yang menyebabkan Sultan Ahmad terpaksa mememtrai perjanjian dengan Pihak British (Linehan, 1936).²⁶

Walaupun begitu perjanjian tersebut bukanlah suatu yang direlakan oleh Sultan Ahmad termasuk para pembesar Pahang. Oleh kerana itulah, ia telah mewujudkan siri-siri penentangan terhadap British di Pahang. Bermulanya perang yang menandakan permusuhan dan penentangan

²⁴ *Ibid.*,

²⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Ikhlas Rosele & Nor Adina Abdul Kadir, *Dimensi Jihad Dalam Perjuangan Menentang Penjajah Di Pahang dalam* https://www.researchgate.net/profile/Rahimin_Abd_Rahim/publication/309287138_DIMENSI_JIHAD_DALAM_PERJUANGAN_MENENTANG_PENJAJAH_DI_PAHANG/

²⁶ *Ibid.*,

terhadap penjajah adalah pada tahun 1891 sehingga 1895 di Lubuk Terua (Gin, 2009). Perang tersebut juga dikenali sebagai Perang Bahaman yang menjadi titik permulaan kebangkitan pejuang Melayu Pahang menentang penjajah dan segala agenda mereka (Mohamad Roselan Abdul Malik, 1998). Kebangkitan Dato' Bahaman selama empat tahun (1891-1894) telah menyebabkan pihak Inggeris menanggung hutang dan kerugian yang banyak.

Sesungguhnya penentangan penjajah di Pahang hakikatnya adalah perjuangan mempertahankan agama, tanah air dan maruah Melayu (Syed Husin Ali, 2008). Hal ini kerana, para pejuang yang menentang penjajah telah mengetahui tujuan sebenar mereka datang ke Alam Melayu iaitu ingin menyebarkan agama kristian, mengambil hasil bumi dan menyebarkan kekuasaan dan kekuatan mereka. Sejarawan mentakrifkan tujuan penjajah ke Alam Melayu sebagai 3G iaitu, *God* atau *Gospel*, *Glory* dan *Gold* (Uka Tjandrasasmita, 2009).²⁷

Daripada situlah kebangkitan Datuk Bahaman menentang penjajah British di Semantan atas dasar rasa tidak puas hati pembesar negeri Pahang terhadap campur tangan British ke atas kawasan mereka dan ia bermula bila Datuk Bahaman dan para pengikutnya menyerang C.E.M Deaborough di Sungai Semantan pada 15 Disember 1891.²⁸

DI DAERAH BATU PAHAT JOHOR: Kiyai Haji Salleh atau nama sebenarnya Haji Mohd. Salleh Abdul Karim sangat terkenal. Dilahirkan di Tanjung Olak Batu, Bukit Pasir, Muar, Johor pada 1916 merupakan pencetus kebangkitan perjuangan Orang Melayu menentang kekejaman komunis yang dikenali sebagai Askar Bintang Tiga. Ini berikutan kekalahan tentera Jepun kepada pihak British dan pihak Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) telah mengambil kesempatan untuk memerintah dan bertindak kejam membunuh mereka yang dianggap bekerjasama dengan Jepun. Kemuncak kepada penentangan itu berlaku apabila pengikut Bintang Tiga mula mengganggu aktiviti solat jemaah dan kesucian surau dicemari dengan penyembelihan babi selain pembunuhan ke atas ramai orang Melayu.

Dengan berbekalkan senjata parang panjang di bawah pimpinan Panglima Salleh, penduduk setempat menyerang kubu-kubu Bintang Tiga di sekitar Muar dan Batu Pahat. Dengan serangan tersebut pihak Bintang Tiga mula membuka mata dan tidak lagi meremehkan kekuatan spiritual orang Melayu yang sanggup bermati-matian mempertahankan agama dan bangsa tanpa kelengkapan senjata canggih. Bermula dari detik itu juga kekejaman terhadap orang Melayu mula berkurangan terutama setelah Kiyai Haji Salleh mengisytiharkan perdamaian dengan Bintang Tiga.²⁹

DI PASIR SALAK PERAK: Dato Maharaja Lela Pandak Lam berketurunan Daeng Salili, Pandak Lam adalah anak Raja Bugis berasal dari Daerah Luwuk, Sulawesi. Beliau datang ke Perak ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III dan dilantik sebagai mufti serta dianugerahkan gelaran "Dato' Maharaja Lela Tan Lela" dengan kuasa boleh memacung tanpa bertanya. Mengetuai perjuangan menentang British di Perak. Merancang dan membuat pakatan untuk membunuh James Wheller Woodfird Birch (J.W.W Birch), Residen British Perak. Turut

²⁷ *Ibid.*,

²⁸ Wira Melayu Bangkit Menentang Penjajah Pada Kurun ke-18 dalam <https://pakdin.my/wira-melayu-bangkit-menentang-penjajah-pada-kurun-ke-18>

²⁹ Mohd Ali Muhammad Don, *op. cit.*,

bersama beliau ialah Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja(dikenali Dato' Sagor) dan Ngah Kandin. Tindakan membunuh ke atas J.W.W Birch itu telah didapati bersalah oleh mahkamah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati pada 20 Januari 1877 di Taiping.

Kebangkitan penentangan ini adalah semata-mata untuk membela orang-orang melayu akibat pencabulan terhadap keistimewaan yang dimiliki oleh orang Melayu sebelum kedatangan mereka iaitu mengambil hak mengutip cukai, mencabar ketuanan Melayu, memperkenalkan cukai baru dan mencabuli adat resam.

Kesimpulan

Ulama telah menjadi antara pemacu utama dalam menentang penjajahan. Penglibatan dan peranan para ulama dalam menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan negara tidak dapat dinafikan lagi. Jelaslah bahawa ketokohan ulama-ulama tersebut telah dapat menyemai semangat kebangkitan dalam membentuk gerakan menentang kuasa penjajahan. Sejarah telah melakarkan seawal abad ke 20 telah menyaksikan kemunculan kesedaran dalam memperjuangkan nasib Islam dan Melayu di negara ini. Keberanian dan semangat juang mereka harus dicontohi bukan saja di medan penentangan fizikal bahkan dalam aspek menyuburkan semangat patriotik kepada masyarakat. Peranan tokoh-tokoh agama dan kemerdekaan ini memang wajar dijulung dan dikenang.

Rujukan

- Muhammad Abu Bakar, *Sejarah Dan Kebangkitan Ulama Terengganu*, dalam *Ulama Terengganu : Suatu Sorotan*, 1991,
- Mohd Roslan Mohd Nor, Mohamad Fauzi Zakaria & Noorzahidah Mohd Zain, *Keterlibatan Ulama' dalam Perjuangan Kemerdekaan di Terengganu* dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Ali Muhammad Don. Kenang Jasa Ulama dalam Perjuangan Kemerdekaan dalam <http://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/461337/kenang-jasa-ulama-dalam-perjuangan-kemerdekaan>.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Ikhlas Rosele & Nor Adina Abdul Kadir, *Dimensi Jihad Dalam Perjuangan Menentang Penjajah Di Pahang* dalam https://www.researchgate.net/profile/Rahimin_Abd_Rahim/publication/309287138_DIMENSI_JIHAD_DALAM_PERJUANGAN_MENENTANG_PENJAJAH_DI_PAHANG/
- Wira Melayu Bangkit Menentang Penjajah Pada Kurun ke-18 dalam <https://pakdin.my/wira-melayu-bangkit-menentang-penjajah-pada-kurun-ke-18/>
- Dato' Maharaja Lela – Pahlawan Perak, <http://pahlawan.perakdml.blogspot.com/2015/09/sejarahringkas-datomaharaja-lela-pandak.html>